

01/12/2000

BN perlu ambil iktibar kekalahan di Lunas

M Thillinadan

CUACA panas terik sepanjang hari pengundian kelmarin tidak banyak membantu keadaan hangat yang ditimbulkan penyokong Barisan Nasional (BN) dan Keadilan dan menjadi lebih buruk selepas keputusan diumumkan.

Anak muda dan remaja yang menaiki motosikal, kereta dan lori yang berarak sepanjang jalan utama di pekan sempadan Kedah/Pulau Pinang, gembira kerana calon mereka menang. Ada yang menjerit dan melafaz kata-kata kesat ke arah Bilik Gerakan BN di tepi jalan itu.

Ketika penduduk Lunas mendapat seorang Adun baru daripada parti pembangkang, saki-baki petugas dan penyokong BN di bilik gerakannya muram dan hanya mendengar cemuhan penyokong pembangkang terhadap pemimpin BN, termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri S Samy Vellu.

"Mana itu Samy Vellu, dia tak boleh balik KL. Kena pegang janji tinggal di Lunas," teriak seorang penyokong pembangkang ke arah bilik gerakan BN.

Malam berlalu tanpa sebarang insiden tidak diingini. Terima kasih kepada pasukan polis yang menjalankan tugas dengan amat cemerlang dalam keadaan hangat yang diwujudkan oleh penyokong parti.

Hakikatnya, calon BN kalah. Persoalannya, bagaimana dalam tempoh tepat setahun, calon pembangkang, Saifudin Nasution Ismail, boleh mendapat 10,511 undi berbanding hanya 7,305 yang diperolehi semua tiga calon yang menentang BN pada pilihan raya umum tahun lalu.

Berdasarkan statistik keputusan, undi BN sebenarnya tidak merosot jika dibandingkan pada pilihan raya umum lalu kerana calonnya dalam pilihan raya kecil kelmarin, S Anthonysamy, memperolehi 9,981 undi berbanding hanya 9,760 undi yang diperolehi Dr Joe Fernandez.

Yang membezakannya ialah BN hanya berjaya menambah 221 undi berbanding pembangkang mendapat tambahan 3,256 undi atau lebih tepat, BN gagal menarik pengundi untuk memastikan kemenangan.

Adalah jelas bahawa kebanyakan daripada 2,260 pengundi baru DUN Lunas adalah pengundi pembangkang manakala majoriti mereka yang tidak mengundi pada pilihan raya umum lalu keluar beramai-ramai kali ini dengan satu tekad, iaitu menolak BN.

Ia terbukti kerana jumlah pengundi yang menunaikan tanggungjawab meningkat daripada 72 peratus kepada 77.58 peratus, sekali gus meningkatkan undi pembangkang.

Bukti lain ialah kebanjiran ramai pengundi pada ceramah pembangkang yang sejak awal meyakinkan pembangkang bahawa kemenangan berada di pihak mereka walaupun BN yakin mengekalkan kerusi Lunas.

Berdasarkan perkembangan berkenaan, BN ada kurang empat tahun lagi untuk menarik minat pengundi baru menyokong kerajaan. BN perlu membuat satu 'post mortem' terbuka dan mengakui kelemahan kempennya serta ketidakupayaannya menarik pengundi muda serta aliran pengundi Melayu yang semakin menyisih daripada BN.

Seperkara lagi, hampir semua kawasan majoriti Melayu dimenangi Saifudin yang seharusnya membimbangkan Umno mengenai kemungkinan orang Melayu mula meyakini pakatan pembangkang atau lebih tepat, Keadilan serta Pas.

Di kawasan Naga Lilit, Sungai Seluang, Kampung Dusun, Paya Besar dan Taman Selasih, semuanya dimenangi oleh Keadilan.

Malah, petugas BN di kawasan itu tidak diterima penduduk Melayu. Ada insiden sekumpulan wanita Umno dikejar pengundi dari kawasan mereka manakala di tempat lain mereka menutup pintu apabila didatangi perayu undi BN.

Mereka mengamalkan sikap tertutup seperti yang diarahkan pembangkang yang diketuai Pas. Pembangkang sudah mengarahkan penyokongnya supaya tidak mendengar ceramah atau membaca surat khabar yang didakwa mereka menyokong kerajaan.

Sikap tertutup ini telah menghalang usaha BN untuk menyampaikan manifestasi dan rancangannya untuk Lunas. Mereka terlalu taksub dengan amanat beberapa pemimpin Pas sehingga ceramah BN kurang mendapat sambutan berbanding kempen pembangkang.

Isu perkauman dan agama yang digunakan pembangkang untuk menakutkan pengundi terbukti berjaya mempengaruhi pengundi berbanding mesej pembangunan dan perpaduan yang disampaikan BN.

Ada insiden yang mana pembangkang ketika menjalankan kempen rumah ke rumah bertanya kepada pengundi Melayu: "Tak kan nak pilih seorang Kristian."

Apabila ke kawasan majoriti Cina dan India, taktik mereka lain pula, iaitu: "Negara ini bukan milik Melayu, Cina atau India. Kita semua adalah saudara dan kita semua ada hak yang sama."

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, dalam satu ceramahnya berkata: "Barisan alternatif menyokong persatuan Dong Jiao Zhong yang membantah pelaksanaan Sekolah Wawasan dan Suqiu yang membuat 17 tuntutan kepada kerajaan."

Pembabitan persatuan pendidikan Cina itu juga sedikit-sebanyak menjejaskan undi masyarakat.

Pembangkang juga membuat salinan laporan akhbar memetik kenyataan Dr Mahathir yang bertajuk 'Ekstrimis Cina....' dan '.....pelampau Cina' untuk menimbulkan perasaan marah mereka terhadap Perdana Menteri dan kerajaan, tanpa memberi penjelasan bahawa kenyataan itu terhadap pihak yang tidak tahu berterima kasih terhadap sokongan dan bantuan kerajaan.

Satu lagi faktor yang mungkin membantu kemenangan Keadilan pada saat-saat akhir ialah kehadiran Pengerusi DAP, Lim Kit Siang. Walaupun beliau hanya menyertai satu perhimpunan pembangkang dan berucap kurang 10 minit, namun pembangkang membuat publisiti meluas dengan menjemput masyarakat Cina mendengar amanatnya.

Ucapan Kit Siang bahawa barisan alternatif tidak berpecah-belah dan mengajak masyarakat Cina mengundi Saifudin, turut membantu memecahkan undi masyarakat.

Tetapi kenapa pula kali ini pengundi Cina beralih menyokong pembangkang dan mendengar pula nasihat Kit Siang pada hal mereka memberikan sokongan padu kepada BN pada pilihan raya lalu?

Adakah ia sebagai tanda protes masyarakat Cina terhadap isu pendidikan dan Sekolah Wawasan yang mereka dakwa tidak memihak kepada anggota masyarakat Cina?

Atau mungkin juga mereka menghantar mesej kepada kerajaan supaya turut mengambil kira kepentingan kaum Cina, seperti bahasa ibunda dan sistem pendidikan.

Bagaimanapun, kemungkinan berkenaan dinafikan oleh Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, yang menyatakan bahawa kenyataan Dr Mahathir mengenai kaum Cina pada Ahad lalu adalah peringatan saja dan bukan ugutan atau memberi alternatif kepada orang Cina.

Satu perkara yang tidak banyak berubah ialah sokongan pengundi masyarakat kepada BN. Semua saluran yang majoritinya masyarakat India dimenangi BN dengan mudah.

Selain pelbagai isu yang dibangkitkan kedua-dua pihak serta alasan yang diberikan pemimpin BN, hakikat yang perlu diakui ialah jentera pilihan raya BN tidak cukup kental.

Kebanyakan ahli dan pemimpin BN yang datang ke Lunas hanya semata-mata untuk tunjuk muka. Tidak ramai yang serius khususnya dalam kempen rumah ke rumah yang sepatutnya menjadi senjata utama BN kerana ceramah kurang

mendapat sambutan.

Sikap membiarkan hanya beberapa pemimpin bertungkus-lumus manakala yang lain sambil lewa jelas menyebabkan BN menggigit jari kali ini berbanding yang tampil dengan semua barisan tertingginya di Lunas sepanjang tempoh berkempen.

Sindrom pilihan raya kecil, iaitu membaiki jalan raya, membina jalan baru, membina surau, kuil dan memasang lampu serta paip air selepas penamaan calon, sudah tidak lagi dapat memancing undi.

Sementara pengundi sekarang semakin matang, taktik yang digunakan untuk mengubah wajah Lunas pada saat-saat akhir dengan pelbagai janji dan kemudahan infrastruktur, nampaknya tidak diterima rakyat.

Malah, pembangkang menggunakannya sebagai isu pilihan raya bahawa lebih banyak pilihan raya kecil patut digalakkan kerana banyak pembangunan dalam tempoh beberapa hari saja.

Pilihan raya kecil Lunas disifatkan antara yang paling `hangat' dalam sejarah pilihan raya kecil negara. Hangat bukan saja kerana isu yang dibincangkan tetapi beberapa insiden yang tidak diingini.

Tindakan penyokong Keadilan mengepung 12 bas yang membawa penyokong dan petugas BN amat memalukan. Sepatutnya perbuatan sebegini ditentang dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu mengambil tindakan sewajarnya kerana ia mengganggu perjalanan pilihan raya itu.

Anehnya, pasukan gerak gempur Pemuda Umno dan MIC yang digembar-gemburkan sebelum ini, tidak kelihatan manakala tindakan polis membantu penyokong Keadilan mengeluarkan 12 bas dari kawasan Lunas, amat mengejutkan.

Sudah tiba masa Akta Kesalahan Pilihanraya dan Akta Pilihanraya 1958 dipinda segera untuk memberi lebih kuasa penguatkuasaan kepada SPR. Pilihan raya Malaysia mesti yang terbersih dan teratur supaya ia tidak menjadi bahan ketawa negara lain seperti yang berlaku di Amerika Syarikat.

(END)